

12 SEP 1996

Badminton - Terbuka Kedah

YAP KIM HOCK MARA KE PUSINGAN KETIGA ACARA PERSEORANGAN

ALOR SETAR, 12 Sept (Bernama) -- Pemain beregu utama negara, Yap Kim Hock yang bermain dalam acara perseorangan lelaki di Kejohanan Badminton Sirkuit Proton-Eon 1996 Terbuka Kedah, malam ini melangkah ke pusingan ketiga apabila menewaskan lawannya dengan mudah.

Yap yang mewakili BAM/Johor mengambil masa hanya 30 minit untuk menewaskan Wong Ewee Mun dari Kuala Lumpur dengan 15-9, 15-4.

Yap yang bermain secara agresif mendapat tentangan hebat pada set pertama dengan Wong mengekori rapat. Bagaimanapun, kemaraan Wong tersekat di mata kesembilan dan Yap seterusnya mengutip mata demi mata dan memenangi set pertama.

Pada set kedua yang mengambil masa hanya 10 minit, Yap menguasai sepenuhnya gelanggang dengan menyerang Wong yang nyata tidak bermaya lagi untuk membalas hantaran kencang dari Yap.

Yap yang pada mulanya disenaraikan untuk bertanding acara beregu lelaki bersama pasangannya Cheah Soon Kit menarik diri dari acara berkenaan dan ini memberi laluan mudah kepada satu lagi pasangan bergu negara, Lee Wan Wah dan Choong Tan Fook yang mewakili BAM, untuk menjuarai kejohanan ini.

Yap dikatakan pilihan utama untuk menjuarai bahagian perseorangan lelaki dalam sirkuit kebangsaan itu yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM17,490.

Pilihan pertama perseorangan lelaki, Mohamad Roslin dari BAM turut melangkah ke pusingan ketiga selepas mendapat kemenangan percuma di pusingan kedua.

P. Kantharoopan (Kuala Lumpur) pula menarik diri di pusingan kedua dan ini memberikan kemenangan percuma kepada Yong Cheng Foo yang juga mewakili Kuala Lumpur.

Berikut adalah keputusan penuh pusingan kedua perseorangan lelaki:

Perseorangan lelaki: Mohamad Roslin (BAM) menang percuma, Felix Ooi (Pulau Pinang) menang percuma, Wong Choon Hann (BAM/Kuala Lumpur) mn Chong Chi Chow (Pahang) 15-3,15-1, Yap Yong Jyen (BAM/Kuala Lumpur) menang percuma, Mahathir Mustafa (BAM/Melaka) mn Fredydo Saha (Selangor) 15-3, 17-15, Sidney Michael (BAM/Selangor) mn Edeeza Saha (Selangor) 15-9, 15-3, Henki Irawan (Pulau Pinang) mn Raja S.Amimarzuan (Selangor) 15-4, 15-2 dan Djuang Djayadi (Pulau Pinang) mn Mohd Zamzi Hassan (Kedah) 15-3, 15-3. --
BERNAMA

MZM NAK